



KLASIFIKASI PERKHIDMATAN DI MAJLIS PERBANDARAN PENERANG

SKIM PERKHIDMATAN	:	JURUTEKNIK KOMPUTER	
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	SISTEM MAKLUMAT	
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA	
TARAF JAWATAN	:	KONTRAK	
GRED	:	FT1	
KEKOSONGAN	:	1 (SATU)	
JADUAL GAJI	:	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
		RM1,500.00	RM4,680.00

- SYARAT LANTIKAN**
1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari tahun 18 tahun pada tarikh tutup iklan;

KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN JURUTEKNIK KOMPUTER FT1

- (c) (i) Sijil Vokasional Malaysia (SVM) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan pada Gred FT1: RM1,500.00) atau
- (ii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,561.00); atau

- (iii) SPM atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan dan SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred FT1: RM1,622.00).

**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

4. Pegawai boleh dikehendaki mengikut latihan yang ditetapkan oleh ketua Jabatan/perkhidmatan yang berkenaan.

**PERGERAKAN GAJI
TAHUNAN**

5. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PEMBERIAN ELAUN DAN
KEMUDAHAN**

6. (a) Imbuhan Tetap Perumahan
(b) Imbuhan Tetap Khidmat Awam
(c) Bantuan Sara Hidup

**PENAKLUKAN DI BAWAH
SYARAT-SYARAT
SKIM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Juruteknik Komputer adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

FUNGSI BIDANG TUGAS

- 8.** Bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas-tugas merangkumi penyelenggaraan sistem komputer seperti penyelenggaraan pencegahan dan penyelenggaraan kelengkapan IT serta tugas-tugas penyelenggaraan aplikasi perkomputeran dan operasi sistem dalam jabatan.